



**"MAULIDUR RASUL SAW." 1**

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan kita ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan orang muttaqin yang mendapat kebahagiaan dan keselamatan dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Pada saat yang mulia dan penuh keberkatan ini marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk <b>"MAULIDUR RASUL SAW"</b>.</p>	6
<p>Alhamdulillah, kita rafakkan pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan taufik-Nya kepada kita dapat berada di bulan Rabi'ul Awwal, bulan diputerakan junjungan besar nabi Muhammad SAW, Nabi dan Rasul terakhir dan Penghulu sekalian Rasul. Keputeraannya umpama sinar cahaya yang menerangi kegelapan alam semesta. Kelahiran dan kenabian Baginda SAW adalah rahmat bagi seluruh alam.</p>	7



<p>Rasulullah SAW pernah memperingati hari ulang tahun keputeraannya dengan berpuasa sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Qatadah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW pernah ditanya tentang puasa hari isnin, Baginda menjawab:</p> <p style="text-align: center;"><b>ذَٰكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ، وَيَوْمٌ بُعِثْتُ، أَوْ أُنزِلَ عَلَيَّ فِيهِ</b></p> <p><i>"Hari itu kelahiranku, hari kenabianku dan hari diturunkan wahyu pertama padaku".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	8
<p>Sambutan Maulidur Rasul SAW yang dilakukan oleh umat Islam hari ini adalah satu amalan kebaikan yang mengingatkan kita kepada kehidupan dan perjuangan Rasulullah SAW dalam menyebarkan ajaran Islam. Malah Sambutan Maulidur Rasul akan diberi ganjaran pahala dan rahmat yang melimpah dari Allah SWT jika ia diisi dengan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW. Ditambah lagi dengan menghayati sirah Baginda SAW bermula kelahirannya, kehidupan remaja, hidup berkeluarga, pahit getir berjuang dalam dakwah, memimpin negara Madinah sehinggalah baginda SAW wafat. Sebagai seorang Rasul pembawa rahmat sekalian alam, maka sudah tentu wajar kita contohnya dalam kehidupan seharian kita.</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	9
<p>Maulidur Rasul ini adalah untuk menzahirkan rasa cinta dan kasih terhadap Rasulullah SAW.</p>	10



<p>Kasih dan cinta ini adalah satu tuntutan yang disarankan oleh Baginda SAW sebagaimana diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ</p>	11
<p><i>"Aku bersumpah dengan nama Allah yang jiwaku dalam kekuasaan Allah. Tiada seorang pun diantara kamu dianggap beriman sebelum kecintaannya terhadap diriku melebihi kecintaannya terhadap bapanya dan anak-anaknya".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	12
<p>Cinta dan kasih kepada Rasulullah SAW bukan setakat pengakuan dan ucapan di mulut sahaja, tetapi ia hendaklah dibuktikan dengan amalan-amalan seperti berikut, antaranya ialah:</p> <p>Pertama: Memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Baginda SAW, keluarganya dan sahabatnya dengan ucapan:</p>	13
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ</p>	14
<p>Ya Allah, limpahkan rahmat dan kesejahteraan atas penghulu kami Muhammad dan ke atas keluarganya serta sahabatnya.</p>	15



<p>Berselawat ke atas Baginda SAW adalah perintah Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 56:</p> <p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	16
<p><i>“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW) . Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.</i></p>	17
<p>Rasulullah SAW menyuruh umatnya agar berselawat kepadanya, lebih-lebih lagi ketika namanya disebut, malah bagi sesiapa yang sering berselawat kepadanya akan dikurniakan rahmat dari Allah SWT sebagaimana dinyatakan oleh Anas bin Malik Radiallahu'anhui bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah melimpahkan kepadanya sepuluh rahmat, dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan dan Allah mengangkat sepuluh darjat”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	18
<p>Hadis ini memberikan dorongan dan semangat bahawa rahmat ketenangan, rahmat keamanan, rahmat kesihatan, rahmat perpaduan dan pelbagai rahmat lagi daripada Allah akan dikurniakan kepada kita dengan berkat selawat kepada Nabi SAW. Bukan itu sahaja, malah Allah akan hapuskan pula pelbagai jenis kesusahan, bala bencana, kerosakan dan kejahatan dengan sebab kita berselawat.</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia,</b></p>	19



<p>Kedua: Meneladani kehidupan Rasulullah SAW.</p> <p>Meneladani kehidupan Rasulullah SAW juga tanda kecintaan kepada Baginda SAW. Kehidupan Baginda SAW adalah satu-satunya contoh yang paling sempurna yang mesti diikuti oleh umat Islam kerana seluruh kehidupan Rasulullah SAW terbimbing dengan wahyu Ilahi.</p>	20
<p>Firman Allah SWT dalam Surah al-Najm ayat 3 dan 4:</p> <p>وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ . إِن هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ</p>	21
<p><i>"Dan Ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya".</i></p>	22
<p>Ayat ini menjelaskan kita bahawa seluruh kehidupan Rasulullah SAW dipimpin oleh al-Quran. Al-Quran membimbing kehidupan Baginda SAW sebagai suami yang bertanggungjawab, bapa yang pengasih, pendakwah yang sabar dan pemimpin yang amanah lagi adil.</p>	23
<p>Ketiga: Mentaati dan mematuhi ajaran Rasulullah SAW.</p> <p>Mentaati Rasulullah SAW dan mengamalkan ajaran yang disampaikan adalah juga bukti kasih sayang dan kecintaan kita terhadap Baginda SAW. Rasulullah SAW diutus dengan membawa agama Islam yang lengkap dan sesuai dengan keperluan manusia.</p>	24



<p>Mentaati Rasulullah SAW adalah satu tuntutan yang wajib kerana ia bermakna mentaati Allah SWT sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Sesiapa yang taat kepadaku sesungguhnya ia telah taat kepada Allah. Dan sesiapa yang derhaka kepadaku sesungguhnya ia telah derhaka kepada Allah".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	25
<p>Hadis ini memperingatkan bahawa setiap perintah Nabi SAW yang diingkari, ditolak atau dihina adalah penderhakaan kepada Nabi SAW yang juga penderhakaan kepada Allah SWT. Oleh itu, taatilah dan patuhilah setiap apa jua yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr ayat 7 :</p> <p style="text-align: center;">وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَأَنْتَهُوا</p>	26
<p><i>"Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya".</i></p>	27
<p>Sesungguhnya apa sahaja yang Baginda SAW perintahkan tidak lain dan tidak bukan adalah mengandungi banyak kebaikan dan kemaslahatannya. Begitu juga setiap apa yang ditegahnya tidak lain dan tidak bukan juga adalah mengandungi keburukan dan kerosakan.</p>	28



<p>Sesungguhnya kelahiran dan kenabian Muhammad SAW telah membawa rahmat dan kebaikan yang luas serta berpanjangan sehingga ke hari akhirat. Rahmat hidup dalam kebahagiaan, kesejahteraan dan perpaduan pada hari ini hendaklah dihargai dan dipertahankan oleh umat Islam. Oleh itu, jadilah umat Islam yang cintakan Rasulullah SAW dan mencontohi kehidupan serta akhlak mulia baginda SAW dalam kehidupan seharian.</p> <p><b>Hadirin yang dimuliakan sekalian,</b></p>	29
<p>Bagi mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita jadikan Maulidur Rasul SAW sebagai iktibar kepada kita:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa kelahiran Nabi Muhammad SAW adalah menjadi rahmat dan kebaikan bagi seluruh alam.</li><li>2. Umat Islam hendaklah sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW kerana selawat dan salam dibalas pahala berupa kebahagiaan di dunia dan keselamatan di akhirat nanti.</li><li>3. Umat Islam hendaklah mencontohi akhlak Rasulullah SAW kerana dengan akhlak itu akan menyempurnakan kehidupan manusia.</li></ol>	30
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ</p> <p>وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾</p>	31



<p><i>“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Ahzab : 21).</i></p>	32
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	33
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	34



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi sedikit kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	7
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarut dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	8



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾.</p>	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24